

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM KONVENSYEN SYARIKAT PAYUNG
DAN ANAK PAYUNG KALI KE-2 (1999)
DI MANDARIN ORIENTAL HOTEL, KLCC
24 OGOS 1999

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah izin-nya kita dapat berhimpun untuk bersama-sama menjayakan Konvensyen Program Jalan Kampung (PJK) bagi kali kedua pada tahun 1999. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur bersama konvensyen ini iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Syarikat-syarikat Payung kerana menjemput saya hadir pada malam ini untuk bersama-sama dengan semua peserta konvensyen yang terdiri daripada 1,500 orang anak payung, 14 firma perunding, 19 syarikat payung dan pegawai-pegawai kerajaan.

2. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum Program Menaikkan Taraf Jalan Kampung (PJK) merupakan salah satu bidang pembangunan yang sangat penting untuk menyumbang kearah kesejahteraan masyarakat luar bandar dan program ini sememangnya menarik minat berbagai pihak, terutamanya semua rakyat luar bandar di semua peringkat. Pembinaan jalan kampung merupakan kemudahan yang sangat diperlukan oleh rakyat di luar bandar dan oleh itu dalam usaha membangunkan kawasan dan masyarakat luar bandar, kerajaan memberi perhatian utama kepada projek jalan kampung di- samping penyediaan kemudahan asas yang lain.

3. Mengikut matlamat asal, bagi tahun 1981 hingga 1991 dianggarkan sepanjang 32,751 km jalan kampung akan dinaikkan taraf. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 1981-1990, kerajaan hanya mampu menyiapkan sepanjang 15,222 km jalan kampung dengan perbelanjaan sebanyak rm 661.787 juta. Menyedari betapa pentingnya projek ini kepada pembangunan luar bandar, kerajaan telah meneruskan pelaksanaannya di- bawah Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) di mana sepanjang tempoh tersebut sepanjang 9,740 km lagi jalan telah dinaikkan taraf dengan perbelanjaan sebanyak RM 457.569 juta.

4. Seterusnya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah menambah lagi peruntukan bagi pelaksanaan projek ini kepada RM 716.594 juta. Dengan peruntukan sebesar itu kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menaikkan taraf jalan luar bandar sepanjang 10,000 km. Insyaallah, dengan berkat sokongan padu dan kerjasama erat semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaannya, khususnya tuan-tuan dan puan-puan yang berada dalam dewan ini, saya yakin kita akan memperoleh kejayaan.

5. Walaupun pelaksanaan PJK telah melalui satu tempoh yang agak panjang iaitu 18 tahun (1981-1999) dan dalam tempoh tersebut 33,415 km jalan kampung telah dibina, kerajaan sedar bahawa kaedah dan kualiti pelaksanaannya mampu untuk dipertingkatkan lagi. Di antara kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti dan sering dibangkitkan oleh berbagai pihak ialah seperti berikut: -

* Jalan kampung dibina tidak mengikut spesifikasi atau perintah kerja menyebabkan banyak jalan mudah mengalami kerosakan.

* Jalan kampung tidak berkualiti dan terdapat juga jalan yang dibina dengan

menabur batu hancur (crusher run) sahaja; dan

* Jalan kampung tidak direkodkan untuk diselenggara mengikut jadual. PJK dibina di atas tanah milik, tidak dirancang dengan sempurna dan jumlahnya banyak di lokasi yang bertaburan. Keadaan ini menyebabkan urusan daftar dan penyediaan maklumat lengkap bagi tujuan penyenggaraan tidak dapat disediakan.

* Tidak mempunyai tempoh tanggungan kecacatan seperti yang ditetapkan dalam peraturan perbendaharaan.

6. Di samping itu, pelaksanaan PJK juga mengalami masalah berkaitan dengan kontraktor yang dilantik, khususnya kontraktor kelas 'f' dari aspek-aspek:-

* Kontraktor tidak mempunyai peralatan yang mencukupi dan terpaksa menyewa peralatan dan jentera dari syarikat bukan bumiputera.

* Memperolehi bahan-bahan binaan seperti batu, tar dan pasir daripada syarikat milik bukan bumiputera.

* Adakalanya kerja-kerja kontrak 'dialibabakan' kepada syarikat bukan bumiputera.

7. Bagi mengatasi masalah-masalah di atas dan memperkemaskan pelaksanaan projek, beberapa pendekatan baru telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh selaras dengan strategi baru pembangunan luar bandar yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada November 1994. Antara lain, strategi ini menggariskan peri mustahaknya penyediaan infrastruktur yang berkualiti di kawasan luar bandar yang boleh mendorong dan memperluaskan berbagai kegiatan moden di peringkat desa dan membolehkan sistem penyampaian pembangunan yang berkesan.

8. Ke arah mencapai matlamat di atas, di bawah pendekatan baru ini perubahan kepada skop dan piawaian jalan serta kaedah perancangan dan pelaksanaan PJK yang lebih tersusun dilaksanakan. Kaedah pelaksanaan secara konsep payung telah diperkenalkan pada akhir tahun 1997 dan kini telahpun memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Di bawah konsep payung ini, kerja-kerja kontrak bagi pembinaan jalan-jalan kampung akan diserahkan kepada syarikat induk. Syarikat payung tersebut akan mengagihkan kerja-kerja pembinaan jalan kepada syarikat kecil lain yang sebahagian besarnya adalah kontraktor binaan kelas 'f' yang dikehendaki beroperasi di bawah pengawasannya.

9. Secara keseluruhannya kerajaan mendapati konsep payung mempunyai kebaikan dari segi:-

* Memudahkan pengurusan kontrak kerja kerana urusan panggilan tender berulang-ulang untuk ratusan batang jalan di semua daerah dapat disingkatkan dan diperkemaskan.

* Perkhidmatan perunding dapat mempertingkat dan memperkemaskan penyemakan, pengawasan dan pemantauan projek yang biasanya kurang / tidak upaya dibuat oleh pejabat daerah.

* Mewujudkan komitmen dan tanggungjawab bersama terhadap projek oleh syarikat payung dan anak payung kerana mereka perlu sama-sama bertanggungjawab memastikan projek benar- benar siap.

* Mengurangkan beban tugas Pejabat Daerah dan Pengarah Pembangunan Negeri (SDO) kerana urusan tender, pembayaran dan pengawasan projek diambilalih oleh kontraktor payung dan syarikat perunding.

* Meningkatkan keupayaan dan kemampuan bersaing di kalangan anak payung kerana prestasi yang buruk akan menjejaskan peluang mereka mendapat agihan kerja di masa- masa depan.

* Menghasilkan kuantiti dan mutu jalan yang lebih tinggi dan 'delivery system' / kaedah pelaksanaan yang lebih berkesan. Dan

* Membolehkan projek dibuat pemantauan dengan lebih kerap.

10. Bagi tahun 1999, kerajaan telah menambah peruntukan PJK daripada RM 256 juta dan pertambahan peruntukan ini diluluskan adalah atas keyakinan bahawa jalan-jalan kampung dapat dibina dengan cepat dan baik melalui konsep ini. Dengan peruntukan ini adalah dijangkakan sebanyak 2,500 projek sepanjang 3,000 km dapat dinaikkan taraf. Sehingga 7 Ogos 1999 didapati 1,500 projek telahpun siap dibina. Kerajaan yakin sasaran ini dapat dicapai sepenuhnya menjelang akhir bulan Oktober 1999.

11. Walaupun pelaksanaan PJK secara konsep payung adalah jauh lebih berkesan dan baik tetapi masih terdapat isu-isu yang perlu ditangani bersama oleh Kementerian dan juga kontraktor. Saya sendiri pun turut menerima rungutan dan rintihan dari pelbagai pihak mengenai PJK yang dilaksanakan setakat ini. Di antara isu-isu yang sering dibangkitkan, ialah oleh pemimpin masyarakat tempatan bahawa mereka tidak dirujuk dan dibawa berunding sebelum dan semasa pembinaan jalan. Ramai kontraktor kelas 'f' yang tidak diberi peluang untuk dipertimbangkan sebagai anak payung dan pelayang pula mengambil untung yang besar dan sebagainya.

12. Malahan isu-isu ini telah beberapa kali dibangkitkan di peringkat Pengurusan Tertinggi Kerajaan seperti di mesyuarat Jemaah Menteri, mesyuarat jawatankuasa kerja pembangunan luar bandar dan juga dibincangkan di mesyuarat MKT. Ada juga pandangan dan desakan supaya program PJK secara konsep payung ini diberhentikan. Tetapi syukur alhamdulillah dengan penjelasan yang terperinci oleh Y.B. Dato' Annuar Musa selaku Menteri Pembangunan Luar Bandar kepada Jemaah Menteri dan juga kepada saya sendiri, maka kerajaan telah bersetuju supaya pelaksanaan secara konsep payung diteruskan.

13. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru, kepada tuan-tuan dan puan-puan sebagai perunding, pelayang dan juga anak payung yang telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan program ini dan mendapat manfaat keuntungan di bawah konsep ini seharusnya menghargai usaha yang telah diambil oleh KPLB yang selama ini telah mempertahankan konsep payung ini. Di samping itu, tuan-tuan dan puan-puan juga harus bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana telah diberikan peluang untuk terlibat dalam pelaksanaan program ini. Hanya seramai 1,677 kontraktor kelas 'f' sahaja yang terpilih daripada lebih kurang 13,200 kontraktor kelas 'f' seluruh negara.

14. Tuan-tuan dan puan-puan yang telah diberi peluang ini seharusnya melaksanakan sendiri kerja yang ditawarkan serta menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, membina jalan mengikut piawaian yang telah ditetapkan serta berusaha untuk meningkatkan keupayaan diri untuk menjadi kontraktor yang lebih besar selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera (BCIC). Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan supaya menjaga nama baik masing-masing dengan bekerja dengan tekun dan tidak melanggar syarat-syarat tawaran kerja

supaya tidak digugurkan dari senarai anak payung. Oleh itu, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat menunaikan amanah ini dengan penuh rasa tanggungjawab demi pembangunan agama, bangsa dan negara.

15. Saya juga ingin mengingatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya peka kepada perasaan pemimpin tempatan dan masyarakat luar bandar semasa melaksanakan projek ini. Perbincangan dan permuafakatan seharusnya sentiasa dijalin dengan pemimpin politik, Wakil Rakyat, Ketua Bahagian, Penghulu JKKK dan sebagainya sebelum dan dalam proses melaksanakan projek. Berilah peluang kepada mereka untuk sama-sama terlibat dalam arus pembangunan kawasan luar bandar kerana mereka secara langsung akan menerima impak kepada projek ini dan bertanggungjawab untuk memajukan kawasan masing-masing.

16. Insyaallah, dengan izin Allah s.w.t. dan berkat persefahaman dan kerjasama yang erat di antara pihak kementerian, perunding, kontraktor payung, anak payung dan ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan, saya mempunyai keyakinan bahawa sasaran pembinaan 2,500 projek PJK yang berkualiti dapat dicapai dan sekaligus mempercepatkan proses pembangunan masyarakat dan ekonomi moden di kawasan luar bandar.

17. Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada KPLB, Syarikat-syarikat Payung dan juga kepada semua yang hadir kerana telah menjemput saya untuk bersama-sama dalam majlis ini. Selamat maju jaya.

Wassalam.

Terima kasih.